



DR. Tam Weng Wah merasmikan kempen keselamatan pejalan kaki di kalangan pelajar sekolah di SJK Tamil Kajang, semalam.

Kesedaran keselamatan pejalan kaki diperluas

KUALA LUMPUR 11 Mei - Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) akan memperluaskan program kesedaran tentang keselamatan pejalan kaki ke peringkat kebangsaan melalui pengumuman 'Program Minggu Keselamatan Jalan Raya' pada Isnin ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Tam Wen Wah berkata, sebelum ini penekanan diberikan kepada murid sekolah sahaja, namun kini pihaknya berpendapat orang awam harus menjadi sasaran kerana mereka merupakan pengguna utama jalan raya.

Katanya, hal ini penting dalam meningkatkan rasa tanggungjawab dan kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat supaya lebih prihatin terhadap golongan pengguna jalan raya yang minoriti.

"Di Malaysia kematian pejalan kaki adalah yang ketiga tertinggi selepas motosikal dan kereta, lebih membim-

bangkan apabila kebanyakan mangsa adalah remaja atau murid sekolah.

"Kita berharap penekanan kepada orang awam akan menjadikan mereka lebih sedar akan tanggungjawab untuk lebih menghormati pejalan kaki," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program keselamatan pejalan kaki dalam kalangan kanak-kanak sempena 'Minggu Keselamatan Jalan Raya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)' di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Kajang dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Ir. Dr. Renuganth Vatharajoo dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros), Prof. Dr. Wong Shaw Voon.

Jelas beliau, melalui program tersebut, JKJR menyasarkan penurunan sebanyak 50 peratus kadar kematian pejalan kaki pada tahun ini.

"Walaupun bilangan yang terkorban tidak banyak, sekitar 500 orang pada 2012, namun usaha memberikan kesedaran harus diteruskan, justeru, kami menyasarkan penurunan sebanyak 50 peratus hasil daripada program tersebut," ujarnya.

Menurut Wen Wah, minggu keselamatan jalan raya akan dijalankan di beberapa lokasi tumpuan awam secara serentak di seluruh negara selama seminggu bermula Isnin ini.

"Kita akan memberikan fokus di kawasan seperti terminal bas dan sekitar jalan raya. Pengguna akan diberikan nasihat dan diedarkan risalah supaya mereka dapat berperanan menjayakan usaha ini," katanya.